

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Peradaban manusia pada hari ini dilihat telah didominasi oleh peradaban barat. Pihak Barat merasakan dirinya semakin kukuh telah bertindak seakan-akan peradaban dunia berpusat dan berpaksi kepadanya. Mereka juga menganggap bahwa peradaban mereka adalah teras kepada peradaban dunia.

Pihak Barat telah mendakwa bahawa peradaban mereka adalah peradaban popular yang tersebar ke segenap pelusuk dunia dan mempunyai ramai pengikutnya. Segala bentuk hiburan, pakaian, makanan Barat yang tersebar ke ini, semakin lama semakin diminati oleh penduduk setiap benua.

Selain dakwaan ini, pihak Barat juga turut menyajikan lagi dengan arus pemodenannya. Pemodenan pihak Barat adalah suatu yang sangat membahayakan dengan meninggalkan nilai serta adat resam tradisional.

Sungguhpun begitu, dalam membicarakan berkaitan peradaban Barat, suatu yang perlu kita akui bahawa peradaban ini adalah salah satu peradaban teragung yang pernah wujud dan ianya berjaya mempengaruhi perjalanan sejarah manusia. Malah peradaban ini menduduki tempat terpenting dalam membentuk

corak peradaban dunia dan memperlihatkan dirinya sebagai peradaban yang paling gagah di kurun ini.

Serentak dengan segala kegagahan dan kekuatan yang dibawanya itu, peradaban Barat juga membawa bersama-sama pelbagai masalah yang menjurus kepada ketegangan dan kesan buruk kepada manusia sendiri. Secara umumnya peradaban Barat memperlihatkan sifat paradoks dalam dirinya.

Disamping kegagahan dan keagungan kemajuan yang dipeloporinya, jiwa peradabannya sedang digoncang dengan pelbagai krisis yang ditimbulkannya sendiri. Dr. Yusof al-Qardawi dalam bukunya *Al-Islam...Hadarat al-Ghad* menyatakan :

Umat manusia menghajatkan satu tamadun yang dapat mengembalikan iman mereka kepada Allah dan ajaran Rasul-Nya, perjumpaan dengan-Nya, hari Hisab dan ganjaran-Nya, nilai-nilai transendental yang dapat menjadikan manusia berperkemanusiaan dan menjadikan hidup mereka bermakna.

Umat manusia sangat memerlukan tamadun baru yang memberikan ia agama, tetapi tidak kehilangan ilmu pengetahuan, yang dapat memberi keimanan tetapi tidak melenyapkan akal, yang memberikan akhirat tetapi tidak menghalang ia dari dunia, yang memberi kebenaran tetapi tidak menghalang ia dari kekuatan dan memberi akhlak tetapi ia tidak merampas kebebasan.<sup>1</sup>

Bertitik tolak dari sini penulis ingin melihat aliran pemikiran Dr. Yusof al-Qardawi terhadap hala tuju peradaban manusia seterusnya. Penulis akan

---

<sup>1</sup> Dr. Yusof al-Qardāwi (1999), *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*, Juanda Jaya (terj.) c. I. Selangor : Maktabah Al-Qardāwi , h. 173

menjadikan karya beliau *Al-Islam... Hadarat Al-Ghad* sebagai panduan dan rujukan utama dalam penulisan ini.

## 1.2 LATARBELAKANG KAJIAN

Penulisan ini adalah berkisar tentang pemikiran seorang ulama semasa yang menjadi rujukan dan guru kepada jutaan manusia di serata dunia. Penulisan ini akan membentangkan suatu persoalan yang perlu difahami dengan baik. Tamadun Islam dan tamadun barat adalah dua tamadun yang terpenting, yang mencorak sistem kehidupan manusia di atas muka bumi. Dua tamadun ini dikaji adalah di atas dasar kedominasiannya membentuk sejarah peradaban manusia.

Penulisan ini juga akan cuba menjelaskan berkaitan dengan tamadun barat dan alasan-alasan penolakan tamadun ini dalam membentuk kehidupan manusia. Keduanya adalah berkaitan dengan tamadun Islam dan alasan-alasan kerelevannya sebagai pengganti kepada tamadun barat.

Selain daripada mengkaji kedua-dua tamadun ini, penulisan ini juga akan cuba membentangkan kepada umum berkaitan dengan sejarah kehidupan ulama yang ulung ini serta memberikan maklumat yang terkini tentang jasa bakti beliau dalam menyebarkan agama Islam. Begitu juga dengan usaha beliau menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan umat Islam sedunia melalui fatwa-fatwa serta pandangan yang dikeluarkan oleh beliau menjadi rujukan oleh masyarakat Islam sedunia.

Kesimpulannya, penulisan ini akan cuba membentangkan tentang pemikiran beliau terhadap peradaban manusia dengan perbandingan antara dua tamadun besar iaitu Islam dan barat.

### 1.3 ALASAN PEMILIHAN JUDUL

Penulis memilih judul ini adalah berdasarkan alasan berikut :

1. Dunia hari ini melihat bahawa peradaban manusia telah didominasi oleh peradaban Barat. Peradaban ini menyerap masuk ke dalam kehidupan manusia sehingga ia menjadi peradaban yang dapat merentas budaya, agama, bahasa, negara dan benua. Kesejagatan peradaban Barat dalam kehidupan manusia telah memberi berbagai impak terhadap peradaban manusia kini.

Sesungguhnya disamping kemajuan, kemodenan dan pembangunan peradaban Barat telah menjadi 'bidan' kepada kelahiran pelbagai bentuk gejala sosial dalam masyarakat dunia kini. Hal ini perlu diteliti dengan serius, adakah peradaban ini mampu menjadi satu peradaban yang terbaik untuk masyarakat dunia?.

2. Peradaban Islam dikatakan satu-satunya peradaban yang dapat menjadi peradaban alternatif kepada umat manusia bagi menggantikan peradaban Barat sebagai tamadun manusia sejagat. Apakah asas-asas kepada pernyataan ini dan ianya perlu dikaji dan diteliti secara ilmiah.

Penulis memilih Dr. Yusof al-Qardawi sebagai tokoh berdasarkan kepada sumbangan beliau yang sangat besar kepada dunia Islam dan banyak menyelesaikan permasalahan umat Islam. Dr. Yusof al-Qardawi yang juga terkenal sebagai ulama' kontemporari yang begitu prihatin dengan keperluan dunia Islam terhadap pandangan dan juga fatwa daripada beliau sebagai salah seorang ahli pemikir Islam di kala ini.

Justeru, penulis akan menyorot pandangan Dr. Yusof al-Qardawi, sejauhmanakah kekuatan dan kelemahan peradaban Barat untuk kekal sebagai peradaban manusia dan sejauhmana pula peradaban Islam mampu untuk menjadi peradaban alternatif.

#### **1.4 PERMASALAHAN**

Berdasarkan latarbelakang di atas, maka dapatlah dirumuskan kepada dua permasalahan berikut :

1. Apakah alasan Dr. Yusof al-Qardawi menolak kerelevanan peradaban Barat sebagai peradaban manusia sejagat?
2. Apakah ciri-ciri peradaban alternatif menurut kacamata beliau?

## 1.5 TUJUAN DAN KEGUNAAN KAJIAN

### i. Tujuan

- a. Untuk mengetahui alasan-alasan yang dikemukakan oleh Dr. Yusof al-Qardawi dalam menolak peradaban Barat sebagai peradaban manusia.
- b. Untuk mengetahui ciri-ciri peradaban alternatif menurut perspektif Dr. Yusof al-Qardawi.

### ii. Kegunaan

- a. Sebagai memenuhi sebahagian syarat penganugerahan ijazah sarjana sastera dalam pengajian peradaban di Universiti Malaya.
- b. Sebagai satu khazanah ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang ilmu peradaban.
- c. Sebagai satu sumbangan pemikiran kepada umat manusia khususnya di Malaysia dan di seluruh dunia amnya.

## 1.6 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan berdasarkan kepada langkah-langkah berikut :

### a. Sumber data

Data yang diperolehi berkaitan dengan kajian ini diteliti dan difahami dengan cermat terutama daripada hasil penulisan Dr. Yusof al-Qardawi.

Hasil-hasil penulisan beliau sebagai sumber data primer dan buku-buku rujukan lain yang berkaitan dengan peradaban manusia dijadikan sebagai sumber data sekunder.

b. Pengumpulan data

Keseluruhan data yang diperolehi daripada sumber data primer dan sekunder akan disusun secara sistematis sehingga menjadi satu paparan yang jelas mengenai pemikiran Dr. Yusof al-Qardawi terhadap peradaban manusia.

c. Analisis data

Dalam menganalisa data yang telah dikumpulkan terlebih dahulu diklasifikasikan berdasarkan permasalahan dengan menggunakan teknik :

i. Induktif :

Penganalisaan dari khusus ke umum

ii. Deduktif :

Penganalisaan dari umum ke khusus

iii. Komparatif.

Penganalisan dengan membandingkan beberapa data yang ada dan mengambil data yang terkuat untuk dijadikan kesimpulan.

## 1.7 ISI KANDUNGAN PENULISAN

Tesis ini mengandungi lima bab. Setiap bab akan diperincikan kepada beberapa sub-bab. Isi kandungannya adalah seperti berikut :

- BAB I Merupakan bab pendahuluan yang terdiri dari latarbelakang kajian, alasan pemilihan judul, permasalahan, tujuan dan kegunaan kajian, kaedah kajian, isi kandungan penulisan dan senarai bibliografi.
- BAB II Merupakan tinjauan umum mengenai kehidupan dan keperibadian Dr. Yusof al-Qardawi, baik dari segi latarbelakang kehidupan, keluarga, pendidikan, pemikiran serta hasil ilmiah beliau.
- BAB III Bab ini akan menyajikan berkaitan dengan pengenalan tamadun berdasarkan pandangan para sarjana Islam dan Barat serta contoh-contoh tamadun awal manusia.
- BAB IV Bab ini akan menyajikan berkaitan negatif dan positif tamadun Barat dan perbandingannya dengan tamadun Islam bagi menyatakan ianya sebagai tamadun alternatif.



BAB V Analisis terhadap pandangan Dr. Yusof al-Qardawi terhadap pandangan beliau berdasarkan bukunya *Al-Islam : Hadarat al-Ghad.*

## 1.8 KESIMPULAN

Akhir sekali penulis berharap agar kajian ini mampu menyuntik semangat dan kesedaran untuk memartabatkan Islam sebagai suatu tamadun yang dikagumi sama ada di pihak Islam ataupun disegani di pihak bukan Islam. Kajian ini juga diharap dapat memberikan sedikit sebanyak kefahaman dan rujukan dari segi pemikiran Dr. Yusof al-Qardawi terhadap peradaban manusia khususnya perbandingan antara tamadun Islam dan tamadun Barat.